



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**PROGRAM ADVOKASI KANAK-KANAK: KASIH KANAK-KANAK
NEGERI SABAH**

LOKASI / TARIKH / MASA

**SK MALAWA, KOTA KINABALU, SABAH
25 SEPTEMBER 2023 (ISNIN)
4.00 PTG**

Kemaskini 25 September 2023

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
& Selamat Pagi Semua

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana di bawah rahmat dan inayahNYA, kita diberi kesempatan untuk hadir dan berkumpul dalam **Program Advokasi Kanak-Kanak: Kasih Kanak-kanak** pada petang ini.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Pendidikan Malaysia di peringkat ibu pejabat dan Negeri Sabah serta Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak dan

Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak Negeri Sabah yang telah bekerjasama dalam menguruskan pelancaran Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak pada hari ini.

3. Tujuan pelancaran program advokasi ini adalah untuk mengerakkan setiap anggota masyarakat termasuk warga ibu bapa, PIBG, guru-guru, komuniti setempat termasuklah anak-anak pelajar Sekolah Kebangsaan Malawa yang berada di hadapan saya ini.

Puan-puan dan tuan-tuan,

4. Saya hanya ingin memberi tumpuan kepada satu perkara iaitu **kepentingan kita sebagai masyarakat yang melindungi kanak-kanak.**

Isu Penderaan dan Pengabaian Kanak-Kanak

5. Kebelakangan ini, hampir setiap minggu kita mendengar atau membaca berita mengenai kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak. Ini sangat menyentuh hati

saya sebagai seorang ibu dan sebagai Menteri yang bertanggungjawab menjaga kebajikan kanak-kanak di Malaysia.

6. Kami mahu kanak-kanak tahu hak mereka, pada masa sama, kami mahu ibu bapa dan komuniti di sekeliling mereka sedar akan perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan terhadap mereka. Itulah sebabnya kita melaksanakan program ini– untuk memberitahu kanak-kanak akan hak mereka.

7. Pelbagai program telah diatur pada hari ini yang melibatkan ceramah dan pameran agensi yang pastinya memberikan maklumat dan panduan kepada Masyarakat dan kanak-kanak terutamanya tindakan yang boleh diambil sekiranya kanak-kanak terdedah atau terlibat dalam kes penderaan dan pengabaian.

8.

Peranan Masyarakat Dalam Melindungi Kanak-Kanak

Puan-puan dan Tuan-Tuan,

9. Masyarakat umum perlu tahu apa tindakan yang perlu diambil sekiranya kanak-kanak terdedah atau terlibat dalam kes penderaan dan pengabaian. Semua pihak, sebagai individu ataupun secara komuniti, perlu bersama-sama cakna terhadap hak kanak-kanak.

10. Pertama sekali, sekiranya berlaku apa-apa yang mencurigakan, sekiranya mereka didera oleh ibu bapa atau ahli keluarga di dalam rumah, dapatkan pertolongan segera dengan menghubungi talian kasih 15999 atau melalui whatsapp 019-2615999 atau dapatkan pertolongan daripada jiran.

11. *Contohnya baru-baru ini di Negeri Sembilan, seorang kanak-kanak lelaki yang berumur 6 tahun telah menunjukkan keberaniannya keluar daripada rumah*

menuju ke kedai berhampiran rumahnya kerana kelaparan dan tidak tahan lagi didera secara fizikal oleh bapa dan ibu tirinya.

12. Kedua, janganlah sekadar membuat video di media sosial sahaja untuk dijadikan “content” – laporkan kes tersebut kepada pihak kami – ingat, Talian Kasih 15999.

Mesej Kepada Kanak-Kanak

13. Kepada anak-anak sekalian, kalau ada yang perlu bantuan, kalau anak-anak rasa tak pasti, kalau anak-anak rasa tak berani, jangan malu dan jangan takut nak minta tolong. Boleh call nombor 15999 (Satu – Lima – Sembilan – Sembilan – Sembilan). Boleh ulang tak bersama saya? 15999. Bagus, terima kasih.

Penutup

Puan-Puan dan Tuan-Tuan sekalian,

14. Saya amat berterima kasih diatas jasa dan pengorbanan tuan/puan sebagai guru dan juga ahli masyarakat sentiasa bertanggungjawab dan amanah dalam tugas masing-masing dan ditambah lagi dengan kepekaan semua dalam isu-isu kanak-kanak.

15. Sebelum saya mengundur diri, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak penganjur. Semoga pertemuan kita pada petang ini akan memberi suntikan semangat kepada anda semua untuk terus memastikan kesejahteraan kanak-kanak akan terus diberi keutamaan. Saya juga berharap advokasi ini diteruskan di seluruh sekolah di Negeri Sabah dengan satu harapan, kita berjaya mencapai Sifar Dera dan Abai Kanak-Kanak di Negeri Sabah.

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: Kasih Kanak-Kanak di Peringkat Negeri Sabah.

*Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.*

Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
25 September 2023